

11 MAY 1999

MAHATHIR HADIR SAMBUTAN UMNO KE-53

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis sambutan ulangtahun Umno ke-53 di medan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis ringkas itu dimulakan dengan bacaan doa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kemudian memeriksa perbarisan oleh 50 anggota brigid Pemuda dan 50 anggota brigid Wanita Umno.

Beliau selepas itu menaikkan bendera Umno dengan iringan lagu rasmi Umno "Bersatu, Bersetia, Berkhidmat" dan "Umno Teras Negara" yang dinyanyikan oleh kumpulan koir parti.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga naib presiden yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga naib presiden dan semua anggota Majlis Tertinggi Umno.

Malam ini, satu majlis tahlil akan diadakan di ibu pejabat Umno sempena ulangtahun parti itu.

-- BERNAMA

AFY RON